


Dr Lim sebagai reformis perkhidmatan air

BH- 11/4/2007.



Prof Dr Zaini Ujang

E-mel: zaini@utm.my

SELAIN dikenali sebagai tokoh parti Gerakan tersohor, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik akan dikenang sebagai perancang utama reformasi perkhidmatan air di Malaysia. Sejurus dilantik menerajui Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi menerusi rombakan Kabinet pada 2004, Dr Lim memulakan tugas dengan mengadakan siri dialog bersama pelbagai pihak dalam industri air.

Beberapa individu dijemput berbincang mengenai isu berkaitan takrif, skop, perundangan, kontrak, masalah, cadangan dan masa depan perkhidmatan air. Saya dijemput berbincang mengenai isu teknikal bekalan air, air sisa dan alam sekitar di pejabat beliau pada awal Jun 2004. Jemputan itu dijadualkan selama sejam, tetapi perbincangan itu berlarutan hampir dua jam.

Dr Lim mengajukan tidak kurang 10 soalan dalam pelbagai aspek teknikal yang bernas dan tajam. Mulanya, saya agak sukar memahami beliau yang sesekali berbahasa Melayu, khususnya istilah 'ayeer' (air). Namun perbualan kami mesra dan beliau sering berseloroh membuatkan masa berlalu begitu pantas.

Pada kesempatan itu, saya membangkitkan dua persoalan penting yang sering kali menyebabkan pengurusan air di Malaysia tampak tidak mantap dan pincang. Pertama, mengenai skop pengurusan air yang terhad kepada bekalan air dan air sisa

domestik serta komersial (juga dikenali sebagai kumbahan).

Pada hemat saya, pengurusan air yang efektif perlu merangkumi sumber air dan jenis air sisa lain, terutama air sisa industri dan air sisa bukan tandas (graywater).

Kedua, saya juga mengajukan persoalan mengenai bidang kuasa kementerian yang terhad kepada utiliti bekalan air dan kumbahan. Dari segi perundangan, kementerian tidak mampu memberi sumbangan ketara kepada pencegahan pencemaran sumber air jika pengurusan air sisa industri dan air longkang tidak dirawat secara bersepadu dan dikawal selia sebuah kementerian.

Dalam pertemuan itu, Dr Lim tampak begitu pantas memahami konsep pengurusan air dan pelestarian alam sekitar yang saya kemukakan. Saya juga berpuas hati ketika perbualan itu - bidang kuasa kementerian hanya berkaitan 'perkhidmatan air', bukan pengurusan air secara holistik.

Saya tidak tahu sejauh mana perbualan itu berjaya membantu dan memandu beliau mereformasikan perkhidmatan air negara. Ramai lagi pakar lebih berpengalaman pelbagai bidang yang dijemput untuk bertemu beliau dalam sesi sembang mengenai air.

Namun yang ketara, pandangan saya berhubung konsep dan skop 'perkhidmatan air' itu nampaknya bermanfaat, pastinya dengan pandangan serupa pelbagai pihak lain. Ini terserlah dalam frasa dua akta iaitu Akta Industri Perkhidmatan Air dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Perlu juga dijelaskan bahawa kedua-dua akta itu dibentangkan di Parlimen selepas

melalui pelbagai tahap, bermula dengan pindaan Perlembagaan Persekutuan pada 17 Januari 2005, iaitu memindahkan kuasa menguruskan hal berkaitan perkhidmatan air daripada kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat. Kemudian, pelbagai rundungan dijalankan dengan pelbagai agensi, NGO dan pihak yang prihatin.

Pada hemat saya, matlamat dan aspirasi kedua-dua akta itu tidak seharusnya terbatas sebagai reaksi terhadap isu 'panas' seperti tarif air, hukuman mati kepada pesalah yang mencemarkan air dengan niat menyebabkan kematian, peluang perniagaan dan model penswastaan.

Seperti sering dijelaskan Dr Lim, kedua-dua akta itu dirangka untuk membolehkan kemudahan perkhidmatan air dibangunkan sepenuhnya. Ini dilakukan dengan menyediakan bekalan air berkualiti dan perkhidmatan pembetungan efektif, termasuklah menerusi penggantian paip lama, sehinggalah mempertingkatkan kemudahan loji kumbahan dan enap cemar agar kualiti air sungai, tasik, pantai dan laut dapat ditingkatkan demi kesejahteraan kesihatan awam. Ini dijangka menyumbang kepada pelancongan, pengangkutan dan perikanan.

Hakikatnya, kita memerlukan sistem urus tadbir dan kemudahan perkhidmatan air yang terancang, dilaksana, dikawal selia dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa tanpa dihalang isu lapuk seperti pertindihan kuasa dan kelewatan, kerana kerena pelbagai tahap dalam rantaian sistem birokrasi dalam meluluskan sesuatu cadangan dan kekurangan peruntukan.

Menerusi kedua-dua akta itu, mekanisme pengurusan perkhidmatan air akan lebih telus, seragam dan berdaya maju. Ini

membolehkan pelbagai agensi berfungsi dengan lebih efisien dan efektif. Di samping itu, mendorong dan memudahkan pihak swasta dan pelabur untuk melabur dalam sektor ini, khususnya pengurusan aset, aktiviti operasi dan penyelenggaraan.

Ketika ini perkembangan sektor perkhidmatan air sangat lembap kerana ia masih bergantung kepada projek kerajaan, berbanding sektor utiliti lain seperti tenaga dan komunikasi. Dalam hal ini, komitmen pihak swasta adalah kritikal untuk memperkenalkan lebih banyak inovasi teknologi dan perkhidmatan.

Saya berkesempatan bertemu Dr Lim, 27 Mac lalu pada mesyuarat Majlis Sumber Air Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri. Selepas saya membentangkan kertas kerja promosi teknologi air sebagai industri strategik, Dr Lim memperkenalkan saya kepada beberapa rakan sejawatnya dalam Kabinet dan di kalangan Menteri Besar. "Ini profesor banyak cakap. Saya sudah lantik dia masuk SPAN. Jangan cakap banyak. Mari buat!"

Itulah kerenah Dr Lim yang menghiburkan, tetapi berjaya menggerakkan reformasi yang saya jangka sangat besar kesannya nanti kepada perkembangan perkhidmatan, pengurusan dan industri air di Malaysia. Namun demikian, saya masih berharap sebelum bersara sebagai Menteri yang bertanggungjawab terhadap perkhidmatan air, Dr Lim dapat menyebut perkataan 'air' dengan betul dan tidak lagi 'ayeer'!

Penulis ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara